



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1779

**AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM
(PINDAAN) 2025**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	20 November 2025
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...		28 November 2025

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1779

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM (PINDAAN) 2025

Suatu Akta untuk meminda Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Penggantian tajuk panjang

2. Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan tajuk panjang dengan tajuk panjang yang berikut:

“Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan kawalan ke atas aktiviti yang melibatkan tenaga atom, untuk perlindungan yang mencukupi bagi orang ramai dan

alam sekeliling daripada kesan memudaratkan aktiviti yang melibatkan tenaga atom, keselamatan aktiviti yang melibatkan tenaga atom dan sekuriti bahan radioaktif, bahan nuklear dan kemudahan, pemakaian langkah-langkah yang relevan bagi kawal guna dan liabiliti bagi kerosakan nuklear, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.”.

Pindaan am

3. Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “kenderaan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pengangkut”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “pegawai kanan awam” di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam takrif “pegawai kanan awam” dalam seksyen 2, dengan perkataan “pegawai diberi kuasa”.

Pindaan seksyen 1

4. Subseksyen 1(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “Perlesenan”.

Seksyen baharu 1A dan 1B

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 1 seksyen yang berikut:

“Akta ini mengikat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

1A. (1) Akta ini hendaklah mengikat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

(2) Tiada apa-apa pun jua dalam Akta ini boleh menyebabkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri didakwa bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.

Pemakaian luar wilayah.

1B. Peruntukan seksyen 25H dan Bahagian VIIIA hendaklah terpakai bagi kesalahan yang dilakukan —

- (a) oleh mana-mana warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia dalam mana-mana kapal atau dalam mana-mana kapal udara yang didaftarkan di Malaysia;
- (b) oleh mana-mana orang terhadap warganegara Malaysia;
- (c) oleh mana-mana orang terhadap harta kepunyaan, atau yang dikendalikan atau dikawal oleh, secara keseluruhan atau sebahagiannya, Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia, termasuk premis diplomatik atau konsular Malaysia, mana-mana warganegara Malaysia, atau mana-mana perbadanan yang diwujudkan oleh atau di bawah undang-undang Malaysia yang terletak di luar Malaysia; atau
- (d) oleh mana-mana orang yang selepas pelakuan kesalahan itu berada di Malaysia,

seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di Malaysia.”.

Pindaan seksyen 2

6. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong takrif “ahli radiologi”;
- (b) dengan memotong takrif “ahli radioterapi”;

- (c) dengan memasukkan sebelum takrif “Akta ini” takrif yang berikut:

‘ “Agensi” ertinya Agensi Tenaga Atom Antarabangsa;’;

- (d) dalam takrif “bahan api nuklear”, dengan menggantikan perkataan “sebagaimana ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa melalui perintah dalam *Warta*” dengan perkataan “sebagaimana yang ditetapkan”;

- (e) dengan memasukkan selepas takrif “bahan api nuklear” takrif yang berikut:

‘ “bahan api terpakai” ertinya bahan api nuklear yang telah disinari dalam dan dikeluarkan daripada reaktor apabila bahan api nuklear itu tidak lagi digunakan sebagai bahan api nuklear;’;

- (f) dengan menggantikan takrif “bahan nuklear” dengan takrif yang berikut:

‘ “bahan nuklear” ertinya bahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;’;

- (g) dengan menggantikan takrif “bahan radioaktif” dengan takrif yang berikut:

‘ “bahan radioaktif” ertinya apa-apa bahan api nuklear, hasil radioaktif, sisa radioaktif atau apa-apa radionuklid sebagaimana yang ditetapkan;’;

- (h) dengan memasukkan selepas takrif baharu “bahan radioaktif” takrif yang berikut:

‘ “barang berkaitan nuklear” ertinya apa-apa barang yang berhubungan dengan penggunaan dan pembangunan teknologi nuklear sebagaimana yang ditetapkan;’;

- (i) dengan menggantikan takrif “doktor pergigian berdaftar”, “pengamal perubatan berdaftar”, “ahli farmasi berdaftar” dan “doktor veterinar berdaftar” dengan takrif yang berikut:

‘ “doktor veterinar berdaftar”, “pengamal pergigian berdaftar” dan “pengamal perubatan berdaftar” masing-masing ertinya seorang doktor veterinar, pengamal pergigian dan pengamal perubatan, setiapnya yang didaftarkan sebagaimana mengikut peruntukan undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftaran orang itu;’;

- (j) dengan memasukkan selepas takrif “insiden nuklear” takrif yang berikut:

‘ “kemudahan”, berhubung dengan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear atau penjana sinaran termasuklah—

- (a) pemasangan nuklear;
- (b) pemasangan penyinaran;
- (c) kemudahan yang bahan radioaktif diproses;
- (d) kemudahan pengurusan sisa radioaktif;
- (e) kemudahan pengurusan bahan api terpakai; atau
- (f) kemudahan pelupusan sisa radioaktif;’;

- (k) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong takrif “kenderaan”;

- (l) dengan memasukkan selepas takrif “kerosakan nuklear” takrif yang berikut:

‘ “Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Atom;’;

- (m) dengan memotong takrif “Lembaga”;

- (n) dengan memasukkan selepas takrif baharu “Ketua Pengarah” takrif yang berikut:

‘ “Majlis Penasihat” ertinya Majlis Penasihat Tenaga Atom yang ditubuhkan di bawah seksyen 2A;’;

- (o) dengan memasukkan selepas takrif baharu “Majlis Penasihat” takrif yang berikut:

‘ “Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sains dan teknologi;’;

- (p) dengan memotong takrif “orang”;

- (q) dengan memasukkan selepas takrif baharu “Menteri” takrif yang berikut:

‘ “pakar onkologi” ertinya pengamal perubatan yang berdaftar sebagai Pakar dalam onkologi klinikal atau onkologi radiasi di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*];’;

- (r) dengan memasukkan selepas takrif baharu “pakar onkologi” takrif yang berikut:

‘ “pakar perubatan nuklear” ertinya pengamal perubatan yang berdaftar sebagai Pakar dalam perubatan nuklear di bawah Akta Perubatan 1971;’;

- (s) dengan memasukkan selepas takrif baharu “pakar perubatan nuklear” takrif yang berikut:

‘ “pakar radiologi” ertinya pengamal perubatan yang berdaftar sebagai Pakar dalam radiologi klinikal di bawah Akta Perubatan 1971;’;

- (t) dengan memasukkan selepas takrif baharu “pakar radiologi” takrif yang berikut:

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis secara am atau khusus oleh pihak berkuasa berkenaan untuk menjalankan kuasa di bawah Akta ini dan termasuk Ketua Pengarah Kesihatan jika dia ialah pihak berkuasa berkenaan;”;

- (u) dengan memotong takrif “pegawai kanan awam”;
- (v) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas takrif “pemegang lesen” takrif yang berikut:
 - ‘ “pengangkut” termasuklah kapal, kereta api, kereta, pesawat udara, dan mana-mana cara pengangkutan lain yang dengannya orang atau barang boleh dibawa;’;
- (w) dalam takrif “pengendali pemasangan”, dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa berkenaan” dengan perkataan “Ketua Pengarah”;
- (x) dengan memasukkan selepas takrif “pengendali pemasangan” takrif yang berikut:
 - ‘ “penjana sinaran” ertinya peranti elektrik yang boleh menjana sinaran mengion;’;
- (y) dengan memasukkan selepas takrif baharu “penjana sinaran” takrif yang berikut:
 - ‘ “penyahtauliahahan” ertinya segala langkah-langkah ke arah melepaskan kemudahan selain repositori, daripada pengawalseliaan dan langkah-langkah ini termasuklah proses mendekontaminasi dan penanggalan kemudahan;’;
- (z) dalam takrif “pemasangan nuklear”—
 - (i) dalam perenggan (*d*), dengan menggantikan perkataan “kemudahan” dengan perkataan “ruang fizikal”; dan
 - (ii) dalam proviso, dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa berkenaan” dengan perkataan “Ketua Pengarah”;

(aa) dalam takrif “pihak berkuasa berkenaan”—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga”; dan
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “Lembaga” dengan perkataan “Ketua Pengarah”;

(bb) dengan memotong takrif “radas penyinaran”;

(cc) dengan memasukkan selepas takrif “reaktor nuklear” takrif yang berikut:

‘ “senjata nuklear” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708];’;

(dd) dalam takrif “sisa radioaktif”, dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “, bahan nuklear atau benda ditetapkan” dengan perkataan “atau bahan nuklear”;

(ee) dengan memasukkan selepas takrif “sisa radioaktif” takrif yang berikut:

‘ “teknologi berkaitan nuklear” ertinya maklumat atau data dalam apa-apa bentuk, selain yang tersedia secara sah, sama ada dalam Malaysia atau di luar Malaysia yang terpakai terutamanya untuk reka bentuk, pengeluaran, pengendalian, pengujian atau penggunaan bagi—

(a) kelengkapan atau loji untuk—

- (i) pengayaan bahan nuklear;
- (ii) pemprosesan semula bahan nuklear yang disinar; atau
- (iii) pengeluaran air berat; atau

(b) senjata nuklear atau peranti letupan lain;’; dan

(ff) dengan menggantikan takrif “urusan” dengan takrif yang berikut:

“urusan”, berhubung dengan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear atau penjana sinaran ertinya—

(a) apa-apa aktiviti yang melibatkan pengilangan, perdagangan, pengeluaran, pemprosesan, pembelian, pemilikan, pemunyaan, penggunaan, pengangkutan, pemindahan, pengendalian, pengujian, penyenggaraan, pemerakuan, penjualan, penyimpanan, pengumpulan atau pelupusan bahan radioaktif, bahan nuklear atau penjana sinaran itu; atau

(b) menempatkan, membina, mentauliahkan, mengendalikan atau menyahtauliahkan kemudahan.’.

Pemotongan Bahagian II

7. Akta ibu dipinda dengan memotong Bahagian II.

Bahagian baharu IIA

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian II yang dipotong bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IIA

MAJLIS PENASIHAT TENAGA ATOM

Penubuhan
Majlis Penasihat.

2A. (1) Suatu majlis penasihat dengan nama “Majlis Penasihat Tenaga Atom” ditubuhkan.

(2) Majlis Penasihat hendaklah terdiri daripada anggota seperti yang berikut:

(a) seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri;

- (b) Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sains dan teknologi atau wakilnya;
- (c) Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kesihatan atau wakilnya;
- (d) Ketua Pengarah;
- (e) Ketua Pengarah Kesihatan; dan
- (f) tiga orang lain yang dilantik oleh Menteri yang mempunyai pengalaman dan keupayaan dalam bidang saintifik atau teknik berkaitan dengan tenaga atom.

(3) Pengerusi dan anggota Majlis Penasihat yang disebut dalam perenggan (2)(a) dan (f), melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan, mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, hendaklah memegang jawatan untuk tempoh tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

(4) Menteri hendaklah melantik seorang pegawai awam daripada Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sains dan teknologi untuk menjadi setiausaha kepada Majlis Penasihat.

(5) Pelantikan Pengerusi dan anggota Majlis Penasihat yang disebut dalam perenggan (2)(a) dan (f) boleh dibatalkan pada bila-bila masa atas apa-apa sebab sebagaimana yang disifatkan patut oleh Menteri.

Fungsi Majlis
Penasihat.

2B. Majlis Penasihat hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menasihati Menteri mengenai perkara dasar dan strategik Akta ini;
- (b) jika timbul keraguan sama ada suatu aktiviti yang akan dilesenkan adalah untuk maksud perubatan atau suatu maksud selain maksud perubatan, untuk mengenal pasti sama ada aktiviti itu akan dilesenkan untuk maksud perubatan atau suatu maksud selain maksud perubatan di bawah Akta ini; dan
- (c) untuk menasihati Menteri mengenai apa-apa perkara yang dirujuk oleh Menteri yang berhubungan dengan Akta ini.

Mesyuarat
Majlis
Penasihat.

2c. (1) Majlis Penasihat hendaklah mengadakan mesyuaratnya seberapa kerap sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi dan mesyuarat hendaklah diadakan pada masa dan di tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis Penasihat.

(3) Jika Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Majlis Penasihat, Pengerusi boleh melantik mana-mana anggota Majlis Penasihat untuk menggantikannya sebagai pengerusi mesyuarat.

(4) Kuorum Majlis Penasihat ialah lima.

(5) Segala perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat Majlis Penasihat hendaklah diputuskan dengan undian majoriti anggota Majlis Penasihat yang hadir dalam mesyuarat.

(6) Walau apa pun subseksyen (5), Pengerusi atau Pengerusi sementara tidak boleh mengundi mengenai apa-apa perkara di hadapan Majlis Penasihat melainkan jika bilangan undi sama banyak.

(7) Pengerusi boleh membenarkan penggunaan suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain bagi maksud apa-apa mesyuarat Majlis Penasihat.

(8) Majlis Penasihat boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Elaun.

2D. Pengerusi dan anggota Majlis Penasihat boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.”.

Pindaan seksyen 12

9. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Melesenkan pemasangan nuklear dan aktiviti” dengan perkataan “Lesen”;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Tanpa menjejaskan kehendak mana-mana undang-undang lain, tiada seorang pun boleh membuat urusan dengan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau kemudahan melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah subseksyen 16(5) oleh pihak berkuasa berkenaan bagi apa-apa maksud sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen.”;

(c) dalam perenggan (2)(a)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “, benda ditetapkan atau radas penyinaran” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “atau penjana sinaran”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “Lembaga” dengan perkataan “Ketua Pengarah”;

(d) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “penggunaan” dengan perkataan “membuat urusan dengan”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “, benda ditetapkan atau radas penyinaran” dengan perkataan “atau penjana sinaran”; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan “ahli radiologi, ahli radioterapi atau doktor pergigian berdaftar” dengan perkataan “pengamal pergigian berdaftar, pakar perubatan nuklear, pakar onkologi atau pakar radiologi”; dan

(e) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.”.

Seksyen baharu 12A

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 12 seksyen yang berikut:

“Permit.

12A. (1) Tanpa menjejaskan kehendak mana-mana undang-undang lain, tiada seorang pun boleh—

- (a) mengimport bahan radioaktif, bahan nuklear, barang berkaitan nuklear atau teknologi berkaitan nuklear; atau

- (b) mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit bahan radioaktif atau bahan nuklear,

melainkan jika dia ialah pemegang suatu permit yang sah yang dikeluarkan di bawah subseksyen 16A(2) oleh Ketua Pengarah bagi apa-apa maksud sebagaimana yang dinyatakan dalam permit.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 13

11. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “seksyen 68(2)(c)” dengan perkataan “perenggan 68(2)(c)”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “, benda ditetapkan atau radas penyinaran” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “atau penjana sinaran”.

Pindaan seksyen 14

12. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “, bahan nuklear atau benda ditetapkan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “atau bahan nuklear”; dan
- (b) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “, bahan nuklear atau benda ditetapkan” dengan perkataan “atau bahan nuklear”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “Lembaga” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pengarah”.

Pindaan seksyen 15

13. Seksyen 15 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Lembaga” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pengarah”.

Pindaan seksyen 16

14. Seksyen 16 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Lembaga” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pengarah”;
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Jika terdapat keraguan sama ada suatu aktiviti yang akan dilesenkan adalah untuk maksud perubatan atau suatu maksud selain maksud perubatan, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Majlis Penasihat bagi maksud mengenal pasti sama ada aktiviti itu akan dilesenkan untuk maksud perubatan atau suatu maksud selain maksud perubatan di bawah Akta ini dan Ketua Pengarah hendaklah bertindak mengikut dapatan Majlis Penasihat itu.”; dan

- (c) dalam subseksyen (6)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “terus berkuatkuasa selama suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun” dengan perkataan “terus berkuat kuasa bagi apa-apa tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi empat puluh tahun”; dan
- (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “ditetapkan” dengan perkataan “yang ditentukan”.

Seksyen baharu 16A

15. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 16 seksyen yang berikut:

“Permohonan
bagi permit.

16A. (1) Seseorang pemohon yang memohon permit di bawah Akta ini hendaklah mula-mula sekali membuat permohonan bagi maksud itu kepada Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh selepas itu mengeluarkan kepada pemohon suatu permit apabila dibayar fi yang ditetapkan atau boleh, jika difikirkannya patut, enggan mengeluarkan permit itu.

(3) Tiap-tiap permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah, melainkan jika dibatalkan atau digantung terlebih dahulu, terus berkuat kuasa selama suatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam permit.”.

Pindaan seksyen 17

16. Subseksyen 17(2) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “, bahan-bahan nuklear atau benda-benda ditetapkan” dengan perkataan “atau bahan nuklear”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “radas penyinaran” dengan perkataan “penjana sinaran”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “kepada jenis atau jenis-jenis tertentu” dengan perkataan “kepada jenis atau jenis-jenis tertentu penjana sinaran itu”.

Seksyen baharu 17A

17. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

“Syarat permit. **17A.** (1) Apa-apa permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa, menambah, mengubah atau membatalkan syarat yang dikenakan ke atas suatu permit yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1).”.

Pindaan seksyen 18

18. Seksyen 18 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Cagaran” dengan perkataan “Jaminan kewangan”;

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “cagaran” dengan perkataan “jaminan kewangan”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “syarat-syarat lesen itu” perkataan “dan peruntukan Akta ini”;

(c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “, cagaran itu” dengan perkataan “atau peruntukan Akta ini, jaminan kewangan itu”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Pihak berkuasa berkenaan boleh, bilamana didapatinya perlu untuk berbuat demikian, menghendaki pemegang lesen menandatangani dengan serta-merta suatu jumlah jaminan kewangan tambahan.”.

Seksyen baharu 18A dan 18B

19. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

“Pemindahmilikan lesen dan permit. **18A.** (1) Suatu lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

Pemakaian Akta Perdagangan Strategik 2010. **18B.** Walau apa pun seksyen 12A, Akta Perdagangan Strategik 2010 hendaklah terpakai bagi eksport, pemindahan atau transit bahan radioaktif atau bahan nuklear yang ditetapkan sebagai barang strategik di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010.”.

Pindaan seksyen 20

20. Seksyen 20 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan memasukkan selepas perkataan “Penyata” perkataan “milikan dan kawalan”;

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “, benda ditetapkan atau radas penyinaran” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “atau penjana sinaran”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “penyata” perkataan “milikan atau kawalan”;

- (c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “, benda ditetapkan atau radas penyinaran” dengan perkataan “atau penjana sinaran”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 21

21. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “tiap-tiap jualan bahan radioaktif, dll” dengan perkataan “jualan”;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Tiap-tiap pemegang lesen yang menjual bahan radioaktif, bahan nuklear atau penjana sinaran hendaklah mengemukakan suatu penyata penjualan dalam bentuk yang ditetapkan.”;

- (c) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “, benda ditetapkan atau radas penyinaran” dengan perkataan “atau penjana sinaran”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “Lembaga” dengan perkataan “Ketua Pengarah”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.”.

Seksyen baharu 21A

22. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21 seksyen yang berikut:

“Pelan kesediaan dan respons kecemasan nuklear atau radiologi.

21A. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menyediakan dan mengemukakan pelan kesediaan dan respons kecemasan nuklear atau radiologi yang sesuai bagi kelulusan pihak berkuasa berkenaan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.”.

Pindaan kepala Bahagian IV

23. Bahagian IV Akta ibu dipinda dalam kepala dengan memasukkan selepas perkataan “LESEN” perkataan “DAN PERMIT”.

Pindaan seksyen 22

24. Seksyen 22 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan memasukkan selepas perkataan “lesen” perkataan “atau permit”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Pihak berkuasa berkenaan boleh, pada bila-bila masa, melalui notis secara bertulis, membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit jika—

- (a) pemegang lesen atau pemegang permit telah tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;
- (b) pemegang lesen atau pemegang permit telah tidak mematuhi mana-mana syarat lesen atau permit;
- (c) aktiviti yang lesen atau permit telah diberikan itu tidak lagi dijalankan oleh pemegang lesen atau pemegang permit itu;
- (d) pemegang lesen atau pemegang permit telah disabitkan atas kesalahan yang melibatkan rasuah, fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda, lebih daripada dua tahun; atau
- (e) pembatalan atau penggantungan itu adalah demi kepentingan awam, keselamatan negara atau hubungan antarabangsa.”;

(c) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “lesen” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau permit”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “pemegang lesen” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau pemegang permit”; dan

(d) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “pemegang lesen” perkataan “atau pemegang permit”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “lesen” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau permit”.

Pindaan seksyen 25

25. Seksyen 25 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan memasukkan selepas perkataan “pekerja” perkataan “dan orang lain”;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mematuhi segala kehendak sebagaimana yang ditetapkan bagi perlindungan kesihatan dan keselamatan pekerja dan orang lain daripada sinaran mengion.”;

- (c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “, benda ditetapkan atau radas penyinaran” dengan perkataan “atau penjana sinaran”;
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(5A) Pihak berkuasa berkenaan boleh menghendaki seseorang pekerja untuk memiliki kelayakan dan menduduki ujian sebagaimana yang ditetapkan.”; dan

- (e) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(7) Jika pihak berkuasa berkenaan mendapati apa-apa ketidakteraturan pada sinaran mengion, pihak berkuasa berkenaan boleh mengeluarkan apa-apa arahan secara bertulis kepada pemegang lesen untuk mengambil tindakan pembetulan.

(8) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.”.

Bahagian baharu VA dan VB

26. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian V bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VA

SEKURITI

Tanggungjawab pemegang lesen untuk memastikan sekuriti.

25A. Pemegang lesen hendaklah melaksanakan langkah-langkah sebagaimana yang ditetapkan untuk memastikan sekuriti bahan radioaktif, bahan nuklear dan kemudahan.

Pemberitahuan penemuan bahan radioaktif atau bahan nuklear.

25B. Mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan dan ada sebab untuk mempercayai bahawa dia menemukan barang yang merupakan bahan radioaktif atau bahan nuklear hendaklah memberitahu Ketua Pengarah sama ada secara lisan atau secara bertulis dalam masa dua puluh empat jam daripada masa dia menemukan barang itu.

BAHAGIAN VB

KAWAL GUNA

Tanggungjawab bagi kawal guna.

25c. Pemegang lesen hendaklah mewujudkan dan menyenggarakan suatu sistem perakaunan dan kawalan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan bagi bahan nuklear dalam milikannya.

Pemeriksaan
kawal guna.

25D. (1) Apabila diberitahu pelantikan pemeriksa ke Malaysia oleh Agensi, Ketua Pengarah boleh mengambil tindakan yang perlu untuk memudahkan pemeriksaan kawal guna oleh pemeriksa, termasuk dengan mengeluarkan suatu perakuan kepada pemeriksa sebagai pemeriksa antarabangsa bagi maksud Akta ini.

(2) Pemeriksa antarabangsa yang disebut dalam subseksyen (1) boleh menjalankan pemeriksaan kawal guna mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Mana-mana orang hendaklah mematuhi kehendak pemeriksaan kawal guna sebagaimana yang ditetapkan.

Maklumat
mengenai
barang berkaitan
nuklear atau
teknologi
berkaitan
nuklear.

25E. (1) Mana-mana orang yang berniat untuk menjalankan suatu aktiviti yang berhubungan dengan barang berkaitan nuklear atau teknologi berkaitan nuklear, hendaklah memberi Ketua Pengarah maklumat sebagaimana yang ditetapkan sebelum permulaan aktiviti itu tidak kira sama ada aktiviti itu melibatkan bahan nuklear atau tidak.

(2) Mana-mana orang yang enggan atau tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

Maklumat
mengenai
aktiviti
penyelidikan dan
pembangunan
berkaitan kitaran
bahan api
nuklear.

25F. (1) Mana-mana orang yang berniat untuk menjalankan apa-apa aktiviti penyelidikan dan pembangunan berkaitan kitaran bahan api nuklear hendaklah memberi Ketua Pengarah maklumat sebagaimana yang ditetapkan sebelum permulaan aktiviti itu, tidak kira sama ada aktiviti itu melibatkan bahan nuklear atau tidak.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(3) Dalam seksyen ini, “aktiviti penyelidikan dan pembangunan berkaitan kitaran bahan api nuklear” ertinya aktiviti selain aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan teori atau saintifik asas atau penyelidikan dan pembangunan mengenai pemakaian industri radioisotop, pemakaian perubatan, hidrologi dan pertanian, kesan kesihatan dan alam sekeliling dan penyenggaraan diperbaik, yang khususnya berkaitan dengan mana-mana proses atau pembangunan sistem yang berikut:

- (a) penukaran bahan nuklear;
- (b) pengayaan bahan nuklear;
- (c) pemfabrikatan bahan api nuklear;
- (d) reaktor;
- (e) kemudahan genting;
- (f) kemudahan pemprosesan semula; dan
- (g) pemprosesan sisa aras pertengahan atau tinggi yang mengandungi plutonium, uranium diperkaya tinggi atau uranium-233 tetapi tidak termasuk pembungkusan semula atau proses perapian yang tidak melibatkan pemisahan unsur untuk simpanan atau pelupusan.

Kuasa Ketua
Pengarah
untuk meminta
maklumat.

25G. (1) Ketua Pengarah boleh meminta maklumat daripada mana-mana orang jika Ketua Pengarah mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa maklumat itu berkaitan dengan pematuhan Protokol Tambahan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu notis kepada mana-mana orang menghendaki orang itu untuk memberikan maklumat, mengikut apa-apa bentuk dan dalam tempoh atau pada masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Mana-mana orang yang, tanpa justifikasi yang munasabah, enggan atau tidak mematuhi notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(4) Dalam seksyen ini, “Protokol Tambahan” ertinya Protokol Tambahan kepada Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa bagi Pemakaian Kawal Guna berkaitan dengan Triti Ketakcambahan Senjata Nuklear.

Larangan senjata
nuklear.

25H. (1) Tiada seorang pun boleh —

- (a) membangun, menguji, mengeluarkan, mengilang, selainnya memperoleh, memiliki atau menyimpan stok senjata nuklear atau peranti letupan nuklear lain;

- (b) memindah kepada mana-mana penerima senjata nuklear atau peranti letupan nuklear lain atau kawalan ke atas senjata atau peranti letupan itu secara langsung atau tidak langsung;
- (c) menerima pemindahan atau kawalan bagi senjata nuklear atau peranti letupan nuklear lain secara langsung atau tidak langsung;
- (d) mengguna atau mengancam untuk menggunakan senjata nuklear atau peranti letupan nuklear lain;
- (e) menempatkan, memasang atau menyusun kedudukan bagi mengatur kedudukan apa-apa senjata nuklear atau peranti letupan nuklear lain;
- (f) membantu, menggalakkan atau mendorong, dalam apa-apa cara, mana-mana orang untuk melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a) hingga (e); dan
- (g) meminta atau menerima apa-apa bantuan, dalam apa-apa cara, daripada mana-mana orang untuk melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a) hingga (e).

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun, dan dalam hal pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda tidak kurang daripada tiga puluh juta ringgit.”.

Penggantian kepala Bahagian VI

27. Akta ibu dipinda dengan menggantikan kepala Bahagian VI dengan kepala yang berikut:

“PENYAHTAULIAHAN DAN PENGURUSAN SISA
RADIOAKTIF DAN BAHAN API TERPAKAI”.

Pemotongan seksyen 26

28. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 26.

Seksyen baharu 26A, 26B, 26C dan 26D

29. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 26 yang dipotong seksyen yang berikut—

“Pelan
penyahtauliah.

26A. (1) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan pelan penyahtauliah untuk kelulusan Ketua Pengarah sebelum pembinaan kemudahan.

(2) Ketua Pengarah boleh meluluskan pelan penyahtauliah jika dia berpuas hati bahawa pelan penyahtauliah itu memenuhi kriteria sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Pemegang lesen hendaklah menyemak semula dan mengemaskinikan pelan penyahtauliah pada lat tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Tanggungjawab
pemegang
lesen dalam
penyahtauliah.

26B. (1) Pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab untuk melaksanakan segala aktiviti penyahtauliah mengikut cara sebagaimana yang dinyatakan dalam pelan penyahtauliah.

(2) Pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab bagi perkara yang berhubungan dengan proses penyahtauliah termasuk pengurusan sisa radioaktif yang timbul daripada proses penyahtauliah.

Jaminan
kewangan
penyahtauliah.

26c. Mana-mana orang yang memohon suatu lesen untuk membina dan mengendalikan kemudahan hendaklah memastikan bahawa amaun jaminan kewangan yang mencukupi adalah tersedia bagi menampung kos berhubung dengan penyahtauliah kemudahan.

Pengurusan
sisa radioaktif
dan pengurusan
bahan api
terpakai.

26d. Mana-mana pemegang lesen, semasa aktivitiya menjana atau menyimpan sisa radioaktif atau bahan api terpakai hendaklah mengambil segala langkah-langkah yang perlu bagi memastikan bahawa orang dan alam sekeliling dilindungi daripada bahaya radiologi dan bahaya lain pada semua peringkat pengurusan sisa radioaktif atau pengurusan bahan api terpakai.”.

Pemotongan seksyen 27

30. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 27.

Seksyen baharu 27A dan 27B

31. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 27 yang dipotong seksyen yang berikut:

“Pelupusan, kitar
semula atau
guna semula.

27A. (1) Tiada seorang pun boleh melupuskan, atau menyebabkan sisa radioaktif dilupuskan, mengitar semula atau mengguna semula apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear atau bahan api terpakai melainkan jika dia adalah pemegang lesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

Pelan penutupan bagi kemudahan pelupusan sisa radioaktif.

27B. (1) Pemegang lesen suatu kemudahan pelupusan sisa radioaktif hendaklah menyediakan pelan bagi penutupan kemudahan itu.

(2) Pemegang lesen hendaklah memperoleh kelulusan Ketua Pengarah bagi pelan yang disebut dalam subseksyen (1) sebelum memulakan operasi kemudahan itu.”.

Pindaan seksyen 28

32. Seksyen 28 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “membetulkan keadaan jika kemudahan tidak mencukupi” dengan perkataan “untuk mengurangkan dan membetulkan situasi jika ruang fizikal tidak mencukupi”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “kemudahan” dengan perkataan “ruang fizikal”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “membetulkan situasi itu dan pemegang lesen hendaklah melaksanakan arahan itu” dengan perkataan “untuk mengurangkan dan membetulkan situasi itu dan pemegang lesen hendaklah mematuhi arahan itu dan menanggung apa-apa kos tambahan pengurangan dan pembedaan”.

Seksyen baharu 28A, 28B, 28C dan 28D

33. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen yang berikut:

“Larangan mengimport sisa radioaktif.

28A. (1) Tiada seorang pun boleh mengimport sisa radioaktif yang dijana di luar Malaysia.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), sisa radioaktif yang berasal dari Malaysia atau sisa radioaktif bahan radioaktif yang dieksport atau yang berasal dari Malaysia boleh diimport ke Malaysia, dengan kelulusan Ketua Pengarah.

Penubuhan
Kumpulan Wang
Sisa Radioaktif.

28B. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Sisa Radioaktif” ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Ketua Pengarah.

(2) Kumpulan Wang Sisa Radioaktif hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang sebagaimana yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Malaysia;
- (b) segala wang yang dibayar kepada atau diterima daripada ses yang dikenakan atau dikutip mengikut seksyen 28D; dan
- (c) segala derma dan sumbangan yang diterima dari dalam atau luar Malaysia.

Pemakaian
Kumpulan Wang
Sisa Radioaktif.

28C. Kumpulan Wang Sisa Radioaktif hendaklah ditadbirkan bagi maksud—

- (a) penyelidikan berhubung dengan pengurusan sisa radioaktif; dan
- (b) langkah-langkah pemuliharaan untuk perlindungan alam sekeliling terhadap apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa kejadian yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear atau sisa radioaktif.

Ses
penyelidikan.

28D. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri Kewangan, membuat perintah yang disiarkan dalam *Warta* bagi pengenaan dan kutipan, atau pengubahan atau pembatalan ses yang dikenakan kepada mana-mana orang yang terlibat dalam penajaan, pengeluaran atau penyimpanan sisa radioaktif.

(2) Ses yang dikutip di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Sisa Radioaktif.”.

Pindaan seksyen 29

34. Seksyen 29 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pepasangan nuklear” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “kemudahan”.

Pemotongan seksyen 30

35. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 30.

Pindaan seksyen 31

36. Seksyen 31 Akta ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan—

(i) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekitar” dengan perkataan “Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekitar yang dilantik di bawah seksyen 3(1)” dengan perkataan “Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling yang dilantik di bawah subseksyen 3(1)”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa berkenaan” dengan perkataan “Ketua Pengarah”.

Penggantian seksyen 32

37. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 32 dengan seksyen yang berikut:

“Rayuan.

32. Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan pihak berkuasa berkenaan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dalam masa tiga puluh hari selepas diberitahu keputusan itu merayu kepada suatu lembaga rayuan yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 32A mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.”.

Seksyen baharu 32A dan 32B

38. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 32 seksyen yang berikut:

“Lembaga rayuan.

32A. (1) Menteri hendaklah melantik suatu lembaga rayuan bagi maksud mempertimbangkan apa-apa rayuan yang dibuat di bawah seksyen 32.

(2) Lembaga rayuan hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi dan dua orang lain yang dilantik oleh Menteri yang, pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang tidak kurang daripada sepuluh tahun dalam bidang sains, teknologi atau kejuruteraan.

Kuasa lembaga rayuan.

32B. (1) Lembaga rayuan boleh, selepas mendengar sesuatu rayuan, mengesahkan, membatalkan atau mengubah keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa berkenaan di bawah Akta ini.

(2) Lembaga rayuan hendaklah dengan seberapa segera memutuskan dan menyampaikan keputusannya kepada orang yang membuat rayuan dan pihak berkuasa berkenaan.”.

Penggantian kepala Bahagian VIII

39. Akta ibu dipinda dengan menggantikan kepala Bahagian VIII dengan kepala yang berikut:

“PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN”.

Pindaan seksyen 33

40. Seksyen 33 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Apabila ternyata pada mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis secara bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang disifatkannya perlu, bahawa ada

alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam atau di atas mana-mana premis, tapak, kemudahan atau pengangkut ada disembunyikan, disimpan, didepositkan atau distorkan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear atau penjana sinaran yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini, atau apa-apa peranti, bekas, buku, dokumen atau apa-apa benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan apa-apa urusan berhubungan dengan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear atau penjana sinaran yang menjadi kesalahan, atau apa-apa urusan yang dimaksudkan mengenainya yang akan menjadi, suatu kesalahan di bawah Akta ini, maka Majistret itu boleh mengeluarkan waran memberi kuasa kepada mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor—

- (a) untuk memasuki premis, tapak, kemudahan atau pengangkut, untuk menggeledah, menyita dan mengelak apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, peranti, bekas, buku, dokumen atau benda lain;
- (b) untuk menangkap mana-mana orang yang berada di dalam atau di atas premis, tapak, kemudahan atau pengangkut yang dalam milikannya atau di bawah kawalannya bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, peranti, bekas, buku, dokumen atau benda lain dijumpai, atau orang yang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor percaya dengan semunasabahnya telah terlibat dengan apa-apa aktiviti berkenaan dengan bahan radioaktif, bahan nuklear atau penjana sinaran itu, atau telah berada dalam milikannya atau kawalannya peranti, bekas, buku, dokumen atau benda lain itu, atau telah membawa, menerima, menyembunyikan, menyimpan, mendepositkan atau menstorkan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, peranti, bekas, buku, dokumen atau benda lain itu.”;

- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “pepasangan nuklear” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “kemudahan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk mengalihkan, mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear atau penjana sinaran yang disita di bawah seksyen ini, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang membuat penyitaan itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear atau penjana sinaran daripada premis, tapak, kemudahan atau pengangkut yang di dalam ia dijumpai.

(4) Jika mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor telah menyita atau mengelak mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear atau penjana sinaran di bawah Bahagian ini, dia hendaklah menyediakan suatu senarai segala benda yang disita atau dilak dalam menjalankan pengeledahan yang dibuat di dalam atau di atas mana-mana premis, tapak, kemudahan dan tempat yang benda itu masing-masing dijumpai dan hendaklah ditandatangani olehnya.”.

Pindaan seksyen 34**41. Seksyen 34 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan sebelum perkataan “bahawa ada alasan yang munasabah” perkataan “atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “pepasangan nuklear” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “kemudahan”; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan “benda ditetapkan, radas penyinaran” dengan perkataan “penjana sinaran”; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memasukkan sebelum perkataan “boleh menahan” perkataan “atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “, dan menyita” dengan perkataan “, menyita dan mengelak”; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan “benda ditetapkan, radas penyinaran” dengan perkataan “penjana sinaran”.

Seksyen baharu 34A dan 34B**42. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 34 seksyen yang berikut:**

“Waran boleh
diterima
walaupun cacat.

34A. Suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun apa-apa kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalam waran geledah itu atau dalam permohonan

bagi waran itu dan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, peranti, buku, dokumen atau benda lain yang disita di bawah waran itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

Kad kuasa.

34B. (1) Maka hendaklah dikeluarkan kepada setiap pegawai diberi kuasa suatu kad kuasa yang ditandatangani oleh pihak berkuasa berkenaan.

(2) Bilamana pegawai diberi kuasa itu menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa itu hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).”.

Pindaan seksyen 35

43. Seksyen 35 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan sebelum perkataan “hendaklah” perkataan “atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor”;
- (ii) dengan menomborkan semula perenggan (a) sebagai perenggan (aa);
- (iii) dengan memasukkan sebelum perenggan (aa) yang dinomborkan semula perenggan yang berikut:

“(a) memasuki, memeriksa dan menggeledah pada setiap masa mana-mana premis, tapak, kemudahan atau pengangkut yang aktiviti dijalankan oleh pemegang lesen atau pemegang permit bagi maksud menentusahkan pematuhan peruntukan Akta, memperoleh maklumat mengenai status keselamatan dan sekuriti aktiviti yang dijalankan oleh pemegang lesen atau pemegang permit;”;

(iv) dalam perenggan (aa) yang dinomborkan semula—

- (A) dengan menggantikan perkataan “pepasangan nuklear” dengan perkataan “kemudahan”;
- (B) dengan menggantikan perkataan “pegawai” dengan perkataan “pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor”;
- (C) dengan menggantikan perkataan “, benda ditetapkan atau radas penyinaran” dengan perkataan “atau penjana sinaran”; dan
- (D) dengan menggantikan perkataan “, benda atau radas penyinaran” dengan perkataan “atau penjana sinaran”; dan

(v) dalam perenggan (b)—

- (A) dengan menggantikan perkataan “pepasangan nuklear” dengan perkataan “kemudahan”; dan
- (B) dengan menggantikan perkataan “pegawai” dengan perkataan “pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Pihak berkuasa berkenaan hendaklah mempunyai kuasa untuk menempatkan pegawai diberi kuasa di premis, tapak, kemudahan atau lokasi yang aktiviti berhubung dengan Akta ini dijalankan.”.

Seksyen baharu 35A

44. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 35 seksyen yang berikut:

“Kuasa
penyiasatan.

35A. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Dalam mana-mana hal yang berhubungan dengan pelakuan kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan penyiasatan boleh menjalankan segala atau mana-mana kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].”.

Pindaan seksyen 36

45. Seksyen 36 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “contoh-contoh, dll” dengan perkataan “sampel, dsb.”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “pepasangan nuklear” dengan perkataan “kemudahan”;
- (c) dalam perenggan (a)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “atau benda” dengan perkataan “atau barang”;
 - (ii) dengan memotong perkataan “, benda yang ditetapkan”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “; atau” dengan noktah; dan
- (d) dengan memotong perenggan (b).

Seksyen baharu 36A

46. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36 seksyen yang berikut:

“Anggapan.

36A. (1) Jika apa-apa bahan yang disyaki sebagai bahan radioaktif atau bahan nuklear telah disita dan bahan itu terkandung dalam beberapa bekas, adalah mencukupi untuk menganalisis sampel bahan itu bagi amaun sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan jika analisis itu membuktikan bahawa kesemua sampel itu mempunyai sifat dan perihalan yang sama, ia hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa kandungan semua bekas itu adalah daripada sifat dan perihalan yang sama sebagaimana sampel yang dianalisis.

(2) Tatacara mengambil dan berurusan dengan sampel hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.”.

Pindaan seksyen 37

47. Seksyen 37 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “pegawai awam” dengan perkataan “pegawai diberi kuasa”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “pegawai awam” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pegawai diberi kuasa”.

Seksyen baharu 37A, 37B dan 37C

48. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 37 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk
menghendaki
kehadiran
orang yang
mengetahui
tentang kes.

37A. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh melalui perintah secara bertulis menghendaki supaya

hadir di hadapannya seseorang yang pada hemat pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor itu mengetahui tentang fakta dan hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Jika orang itu tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor itu boleh melaporkan ketidakhadiran itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu.

Pemeriksaan orang yang mengetahui tentang kes.

37B. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan seseorang yang dianggap mengetahui tentang fakta dan hal keadaan kes dan hendaklah mengubah dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

(2) Orang yang diperiksa di bawah subseksyen (1) adalah terikat untuk menjawab semua soalan berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor itu, tetapi dia boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan itu.

(4) Seorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, dalam memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau ditandakan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuatnya dan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu, dan jika orang yang diperiksa itu enggan menandatangani atau menandakan cap ibu jarinya pada pernyataan itu, seorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor hendaklah mengendorskan padanya di bawah tandatangannya fakta keengganan itu dan sebabnya, jika ada, sebagaimana yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

Kebilehterimaan
pernyataan
sebagai
keterangan.

37c. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor dalam perjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pendakwaan atau bagi pembelaan, selain tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor dalam perjalanan penyiasatan di bawah Akta ini dan boleh kemudian, jika mahkamah fikirkan patut demi

kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberikan suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [Akta 56].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa perjalanan suatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan untuk menyokong pembelaannya semasa perjalanan perbicaraan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi apa-apa pernyataan yang dibuat dalam perjalanan suatu kawad cam atau tergolong dalam seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas mana-mana kesalahan berhubung dengan pembuatan atau kandungan apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada seorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor dalam perjalanan suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.”.

Pindaan seksyen 38

49. Seksyen 38 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau sisa radioaktif yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Suatu perintah bagi pelucuthakan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau sisa radioaktif itu hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau sisa radioaktif itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(1B) Jika tiada pendakwaan atau sabitan berkenaan dengan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau sisa radioaktif yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, barang itu hendaklah dipegang bagi tempoh dua belas bulan kalendar dari tarikh penyitaan dan di akhir tempoh itu hendaklah disifatkan telah dilucuthakkan, melainkan jika suatu tuntutan bertulis baginya diterima dalam tempoh itu.

(1c) Seseorang yang menegaskan bahawa dialah pemunya bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan

radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau sisa radioaktif yang disita di bawah Akta ini dan bahawa bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau sisa radioaktif itu tidak boleh dilucuthakkan boleh dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis olehnya, memberikan notis bertulis kepada pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu mengenai tuntutan.

(1D) Apabila suatu notis bertulis di bawah subseksyen (1C) diterima, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor hendaklah tanpa kelengahan yang tidak wajar merujuk perkara itu kepada mahkamah untuk keputusan.

(1E) Mahkamah yang kepadanya perkara itu dirujukkan hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dialah pemunya bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain itu yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau sisa radioaktif itu dan orang yang daripadanya ia disita untuk hadir di hadapan mahkamah, dan apabila mereka hadir atau tidak hadir, setelah penyampaian wajar saman dibuktikan, mahkamah hendaklah terus memeriksa perkara itu.

(1F) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan

bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau sisa radioaktif yang disebut dalam subseksyen (1E) merupakan hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, mahkamah hendaklah memerintahkan supaya bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau sisa radioaktif dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.”.

Seksyen baharu 38A dan 38B

50. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 38 seksyen yang berikut:

“Kos
memegang,
menanggalkan
dan
melupuskan
bahan
radioaktif,
bahan nuklear,
penjana sinaran
atau sisa
radioaktif yang
disita.

38A. Jika apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau sisa radioaktif yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Kerajaan Malaysia sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos untuk memegang, menanggalkan dan melupuskan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau sisa radioaktif itu dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Malaysia oleh orang itu dan hendaklah didapatkan semula dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan semula.

38B. Tiada seorang pun, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran atau sisa radioaktif yang disita dalam menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.”.

Pindaan seksyen 39

51. Seksyen 39 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “pepasangan nuklear” dengan perkataan “kemudahan”;
- (b) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “menghalang,” perkataan “menyekat, mengganggu,”;
- (c) dalam perenggan (f), dengan menggantikan perkataan “bahan ditetapkan, radas penyinaran” dengan perkataan “penjana sinaran”;
- (d) dalam perenggan (h), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (e) dalam perenggan (i), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”;

(f) dengan memasukkan selepas perenggan (i) perenggan yang berikut:

“(j) tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengusik atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen 33(3) atau mengalihkan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, peranti, bekas, buku, dokumen atau benda lain yang secara langsung atau tidak langsung yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear atau penjana sinaran daripada premis, tapak, kemudahan atau pengangkut yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian,”; dan

(g) dengan menggantikan perkataan “adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara bagi tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau kedua-duanya” dengan perkataan “melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau kedua-duanya”.

Pindaan seksyen 40

52. Seksyen 40 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “satu ratus ribu ringgit” dengan perkataan “lima ratus ribu ringgit”;
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “ketinggalan” dengan perkataan “peninggalan”;
- (c) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Tanpa menjejaskan peruntukan Kanun Tatacara Jenayah, pendakwa mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini boleh dijalankan oleh pegawai diberi kuasa secara bertulis pada amnya atau khasnya untuk berbuat demikian oleh Pendakwa Raya.”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.”.

Seksyen baharu 40A

53. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 40 seksyen yang berikut:

“Pengkompaunan kesalahan.

40A. (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang menetapkan —

(a) apa-apa kesalahan di bawah Akta ini sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun; dan

(b) kaedah dan tatacara untuk mengkompaun kesalahan itu.

(2) Pihak berkuasa berkenaan boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada pihak berkuasa berkenaan suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan itu dalam tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa setelah kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(4) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa lanjutan masa sebagaimana yang boleh diberikan oleh pihak berkuasa berkenaan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(5) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat, dan apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, penjana sinaran, sisa radioaktif, peranti, bekas, buku, dokumen, pengangkut atau benda lain yang disita di bawah Akta ini berhubung dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh pihak berkuasa berkenaan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan.

(6) Semua jumlah wang yang diterima oleh pihak berkuasa berkenaan di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.”.

Bahagian baharu VIIIA

54. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian VIII bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VIIIA

KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN SEKURITI

Pencurian atau perompakan.

41A. (1) Mana-mana orang yang melakukan pencurian bahan radioaktif atau bahan nuklear melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang melakukan perompakan bahan radioaktif atau bahan nuklear melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun tetapi tidak melebihi tiga puluh tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh juta ringgit atau kedua-duanya.

Pecah amanah jenayah.

41B. Mana-mana orang yang melakukan pecah amanah jenayah berhubung dengan bahan radioaktif atau bahan nuklear melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun tetapi tidak melebihi tiga puluh tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau kedua-duanya.

Menipu.

41C. Mana-mana orang yang menipu dan dengan itu dengan curang mendorong seseorang yang terpedaya, untuk memperoleh bahan radioaktif atau bahan nuklear melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun tetapi tidak melebihi tiga puluh tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau kedua-duanya.

Menjalankan aktiviti dengan niat menyebabkan kematian atau kecederaan.

41D. (1) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif atau bahan nuklear dengan niat untuk menyebabkan kematian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun dan jika tidak dikenakan hukuman mati, hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada dua belas sebatan.

(2) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif atau bahan nuklear dengan niat untuk menyebabkan kecederaan serius kepada mana-mana orang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan dengan hukuman sebat.

(3) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif atau bahan nuklear dengan niat untuk menyebabkan kerosakan teruk kepada harta atau kepada alam sekeliling melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun tetapi tidak melebihi tiga puluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga puluh juta ringgit atau kedua-duanya.

Sabotaj.

41E. (1) Mana-mana orang yang melakukan perbuatan sabotaj atau mengancam untuk melakukan suatu perbuatan sabotaj terhadap kemudahan, bahan radioaktif atau bahan nuklear atau suatu perbuatan yang sengaja mengganggu pengendalian kemudahan, dengan niat untuk menyebabkan atau mungkin menyebabkan kematian atau kecederaan serius kepada mana-mana orang atau kerosakan teruk kepada harta atau kepada alam sekeliling, melalui pendedahan kepada sinaran atau pelepasan benda radioaktif atau selainnya atau kerugian ekonomi melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika perbuatan itu menyebabkan kematian, dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun dan jika tidak dikenakan

hukuman mati, hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada dua belas sebatan; atau

- (b) dalam mana-mana hal lain, dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun tetapi tidak melebihi tiga puluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga puluh juta ringgit atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang ada dalam milikannya apa-apa artikel yang boleh digunakan, dan yang dia berniat untuk menggunakannya, dalam melakukan perbuatan sabotaj di bawah seksyen ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh juta ringgit atau kedua-duanya.

(3) Dalam seksyen ini, “sabotaj” ertinya apa-apa tindakan sengaja yang terarah terhadap suatu kemudahan, bahan radioaktif atau bahan nuklear dalam penggunaan, penstoran atau pengangkutan yang boleh secara langsung atau tidak langsung membahayakan kesihatan dan keselamatan pekerja, orang awam atau alam sekeliling melalui pendedahan kepada sinaran atau pelepasan benda radioaktif.

Desakan melalui paksaan untuk mendapatkan bahan radioaktif atau bahan nuklear dengan ancaman yang boleh dipercayai, penggunaan kekerasan atau bentuk intimidasi lain.

41F. Mana-mana orang yang melakukan suatu perbuatan yang terjumlah kepada desakan untuk mendapatkan bahan radioaktif atau bahan nuklear dengan ancaman yang boleh dipercayai atau penggunaan kekerasan atau bentuk intimidasi lain melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun tetapi tidak melebihi tiga puluh tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau kedua-duanya.

Mengancam untuk menyebabkan kematian atau kecederaan serius kepada mana-mana orang atau kerosakan harta atau kerugian ekonomi.

41G. Mana-mana orang yang mengancam untuk menggunakan atau menyebarkan bahan radioaktif atau bahan nuklear untuk menyebabkan kematian atau kecederaan serius kepada mana-mana orang atau kerugian ekonomi atau kerosakan harta atau alam sekeliling melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh tahun.

Mengancam untuk memaksa orang melakukan atau menahan diri daripada melakukan apa-apa perbuatan.

41H. Mana-mana orang yang mengancam untuk menyebabkan kemudaratan dengan menggunakan bahan radioaktif atau bahan nuklear, untuk memaksa Kerajaan Malaysia, mana-mana kerajaan lain, mana-mana pertubuhan antarabangsa atau mana-mana orang atau kumpulan orang lain untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan apa-apa perbuatan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun tetapi tidak melebihi tiga puluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga puluh juta ringgit atau kedua-duanya.

Konspirasi.

41I. (1) Mana-mana orang yang berkonspirasi dengan orang lain yang berada di Malaysia untuk melakukan apa-apa perbuatan di dalam dan di luar Malaysia, yang perbuatan itu ialah perbuatan, yang jika dilakukan di Malaysia terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai berkonspirasi secara jenayah untuk melakukan perbuatan itu di Malaysia dan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Mana-mana orang yang berkonspirasi dengan orang lain di mana-mana tempat di dalam atau di luar Malaysia untuk melakukan suatu perbuatan di Malaysia yang terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai berkonspirasi secara jenayah di Malaysia untuk melakukan perbuatan itu dan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Komunikasi yang membahayakan sekuriti.

41J. Mana-mana orang dengan diketahuinya mendedahkan maklumat mengenai sekuriti mana-mana kemudahan, bahan radioaktif atau bahan nuklear kepada orang lain yang boleh menjalankan aktiviti atau perbuatan yang membahayakan atau menjejaskan sekuriti kemudahan, bahan radioaktif atau bahan nuklear itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 44

55. Subseksyen 44(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Lembaga” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “Ketua Pengarah”.

Pindaan seksyen 51

56. Seksyen 51 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pihak berkuasa berkenaan” dengan perkataan “Ketua Pengarah”.

Pindaan seksyen 55

57. Seksyen 55 Akta ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan—

- (i) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “penggerenti” dengan perkataan “penjamin”; dan
- (ii) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “lamanya”; dan

(b) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa berkenaan” dengan perkataan “Ketua Pengarah”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “dalam erti” dengan perkataan “bagi maksud”.

Pindaan seksyen 56

58. Seksyen 56 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pihak berkuasa berkenaan” dengan perkataan “Ketua Pengarah”.

Pindaan seksyen 57

59. Seksyen 57 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Lembaga” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pengarah”; dan
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “the Board’s findings” dengan perkataan “the Director General’s findings”.

Pindaan seksyen 58

60. Seksyen 58 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Lembaga” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pengarah”; dan
- (b) dalam subseksyen (3)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “satu bulan” dengan perkataan “lima bulan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “dua ratus ringgit” dengan perkataan “satu ribu ringgit”.

Pindaan seksyen 59

61. Seksyen 59 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Lembaga” dengan perkataan “Ketua Pengarah”; dan
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “bunga” dengan perkataan “faedah”.

Pindaan seksyen 60

62. Seksyen 60 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa berkenaan” dengan perkataan “Ketua Pengarah”;
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Lembaga hendaklah menetapkan” dengan perkataan “Ketua Pengarah boleh menentukan”; dan

(c) dalam subseksyen (3)—

- (i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “penggerenti” dengan perkataan “penjamin”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “Lembaga” dengan perkataan “Ketua Pengarah”.

Pindaan seksyen 61

63. Subseksyen 61(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Lembaga” dengan perkataan “Ketua Pengarah”.

Pindaan seksyen 67

64. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 67 dengan seksyen yang berikut:

“Pewakilan
kuasa.

67. (1) Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mewakili mana-mana fungsi dan kuasanya di bawah Akta ini kepada mana-mana pegawai di bawah kawalan, arahan dan penyeliaan Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah kecuali kuasa perwakilan di bawah seksyen ini.

(2) Ketua Pengarah Kesihatan boleh, secara bertulis dan berhubung dengan fungsi dan kuasa di bawah subseksyen 15(3), mewakili fungsi atau kuasa itu kepada mana-mana pegawai di bawah kawalan, arahan dan penyeliaan Ketua Pengarah Kesihatan tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah Kesihatan kecuali kuasa perwakilan di bawah seksyen ini.

(3) Suatu perwakilan di bawah subseksyen (1) dan (2) boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah Kesihatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan tidak menghalang Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah Kesihatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada menjalankan kuasa atau melaksanakan fungsi yang diwakilkan di bawah subseksyen itu.”.

Seksyen baharu 67A

65. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 67 seksyen yang berikut:

“Kuasa
mengeluarkan
arahan.

67A. (1) Pihak berkuasa berkenaan boleh mengeluarkan apa-apa arahan secara bertulis sebagaimana yang didapati suai manfaat atau perlu bagi maksud memastikan pematuhan Akta ini.

(2) Mana-mana pemegang lesen atau pemegang permit hendaklah mematuhi arahan secara bertulis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1).”.

Pindaan seksyen 68

66. Seksyen 68 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “benda ditetapkan, radas penyinaran” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “penjana sinaran”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “, benda ditetapkan atau radas penyinaran” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “atau penjana sinaran”;
- (c) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “, prescribed substances or irradiating apparatuses” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “or radiation generator”;
- (d) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:
 - “(a) bagi mengawal dan mengawal selia aktiviti tenaga atom;”;

(e) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “bahan radioaktif, bahan nuklear tertentu atau benda ditetapkan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “bahan radioaktif atau bahan nuklear tertentu”;
- (ii) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan “radas penyinaran” dengan perkataan “penjana sinaran”;
- (iii) dalam perenggan (m)—
 - (A) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “fee-fee” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “fi”; dan
 - (B) dengan memasukkan selepas perkataan “lesen” perkataan “, permit dan ujian”;
- (iv) dalam perenggan (n), dengan menggantikan perkataan “mengadakan peruntukan mengenai pengawalseliaan rayuan-rayuan” dengan perkataan “menetapkan perkara yang berhubungan dengan rayuan”; dan
- (v) dengan memasukkan selepas perenggan (n) perenggan yang berikut:
 - “(na) menetapkan kelayakan dan ujian bagi mana-mana pekerja;
 - (nb) menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun dan borang yang digunakan dan kaedah dan tatacara untuk mengkompaun kesalahan di bawah Akta ini;
 - (nc) menetapkan maklumat yang dikehendaki yang berhubungan dengan kawal guna;”;

- (f) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan (2) boleh menetapkan suatu perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda yang tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.”.

Seksyen baharu 68A

67. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 68 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk meminda Jadual.

68A. Menteri boleh, atas syor Ketua Pengarah, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual kepada Akta ini.”.

Pindaan seksyen 69

68. Seksyen 69 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Menteri boleh, melalui perintah dalam *Warta*,” dengan perkataan “Menteri boleh, atas syor pihak berkuasa berkenaan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*,”; dan

- (b) dengan memotong subseksyen (2).

Seksyen baharu 69A dan 69B

69. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 69 seksyen yang berikut:

“Notis pendedahan maklumat.

69A. (1) Pihak berkuasa berkenaan boleh menyampaikan suatu notis kepada mana-mana orang yang pihak berkuasa berkenaan percaya atas alasan yang munasabah mempunyai maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan

penguatkuasaan Akta ini yang berhubungan dengan bahan radioaktif, bahan nuklear, barang berkaitan nuklear atau penjana sinaran, meminta orang itu memberikan maklumat atau dokumen itu kepada pihak berkuasa berkenaan.

(2) Seseorang yang menerima notis yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah memberikan maklumat atau dokumen yang diminta kepada pihak berkuasa berkenaan secara bertulis dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Perlindungan
daripada guaman
dan prosiding
undang-undang.

69B. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap Menteri, pihak berkuasa berkenaan atau pegawai diberi kuasa atas sebab atau yang berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dalam masa menjalankan kewajipannya di bawah Akta ini melainkan jika boleh dibuktikan bahawa perbuatan, pengabaian atau keingkaran telah dilakukan atau ditinggalkan dengan niat jahat dan tanpa sebab yang munasabah.”.

Kecualian dan peralihan

70. (1) Pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, kemudian daripada ini disebut “Lembaga yang dibubarkan”, adalah dibubarkan.

(2) Anggota Lembaga yang dibubarkan dan anggota apa-apa jawatankuasa yang dilantik di bawah Akta ibu dan memegang jawatan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terhenti daripada memegang jawatan itu pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(3) Mana-mana lesen, pendaftaran, kelulusan atau keputusan yang telah dikeluarkan, dibuat atau diberikan oleh Lembaga yang dibubarkan sebelum Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(4) Apa-apa permohonan bagi lesen yang belum selesai di hadapan Lembaga yang dibubarkan sebelum Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan mengikut peruntukan Akta seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(5) Apa-apa penyiasatan, perbicaraan atau prosiding yang dimulakan di bawah Akta ibu yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan mengikut peruntukan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(6) Apa-apa rayuan yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan mengikut peruntukan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(7) Apa-apa kausa tindakan yang belum selesai atau yang ada sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, dimulakan mengikut peruntukan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(8) Semua sebutan mengenai “Lembaga Perlesenan Tenaga Atom” dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Atom”.

Jadual baharu

71. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 71 jadual yang berikut:

“JADUAL

[Seksyen 2]

BAHAN NUKLEAR

1. Uranium yang mengandungi campuran isotop yang wujud secara semula jadi
2. Uranium tersusut dalam isotop 235
3. Torium
4. Apa-apa yang disebut dalam perenggan 1, 2 atau 3 dalam bentuk logam, aloi, sebatian kimia atau pekatan
5. Plutonium-239
6. Uranium-233
7. Uranium diperkayakan dalam isotop 235 atau 233
8. Apa-apa bahan yang mengandungi satu atau lebih yang disebut dalam perenggan 5, 6 atau 7”.